

16. No Gaji

17. Kod Pusat Pembayar

18. Jabatan Pembayar Gaji

Poskod Bandar

Negeri

Nombor Telefon

19. Nama Suami / Isteri

20. No.Kad Pengenalan Awam Baru
 Lama
 T (Tentera) (Polis)

21. Nama Dan Alamat Waris

Poskod Bandar

Negeri

No.Telefon No. Telefon Bimbit

BAHAGIAN B - MAKLUMAT PINJAMAN

22. Jenis Pinjaman 1. Membeli Rumah Yang Telah Siap
 2. Membina Rumah Atas Tanah Sendiri
 3. Membeli Rumah Dalam Pembinaan
 4. Membeli Tanah
 5. Menyelesaikan Hutang Pinjaman Perumahan Dari Intitusi Kewangan
 6. Membeli Rumah Yang Telah Siap (dari Pasaran Sekunder)

23. Jenis Rumah 1. Banglo 2. Berkembar 3. Rumah Pangsa 4. Townhouse
 5. Rumah Teres 6. Kediaman Berkedai 7. Kondominium 8. Dan Lain-lain

24. Rumah Kos Rendah

25. Permohonan Pinjaman 1. Individu 2. Bersama Suami / Isteri

26. Amaun Pinjaman Yang Dipohon RM , , .

27. Tempoh Bayaran Balik Pinjaman Bulan

28. Wang Proses Atas Nama "Akaun Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia" bernilai
 RM , .

29. Maklumat Pinjaman Perumahan Daripada Perbendaharaan Malaysia, Kerajaan Negeri,
 Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan (Jika Ada):

29.1 Nombor Rujukan Fail Pinjaman

29.2 Amaun Pinjaman Diluluskan RM , , .
 H H B B T T T T

29.3 Tarikh Pinjaman Diluluskan
 H H B B T T T T

29.4 Tarikh Pinjaman Telah/Akan Selesai

30. Ubahsuai Harta Bukan Pinjaman Kerajaan

30.1 Nama Bank/Institusi Kewangan _____

30.2 Cawangan Bank/Institusi Kewangan _____

30.3 Potongan Bulanan bagi pinjaman RM

BAHAGIAN C - PENGAKUAN PEMOHON

Saya bersetuju dengan semua syarat dan peraturan pinjaman perumahan mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang berkuatkuasa dan dengan ini saya sahkan bahawa:-

1. Harta yang dibeli adalah seperti dalam Surat Perjanjian Jualbeli.
2. Harta yang dibeli bukan daripada suami / isteri, ibu, bapa, anak dan adik-beradik.
3. Saya akan membayar wang beza (jika ada) di antara harga belian dengan pinjaman yang diluluskan.
4. Saya bersetuju memberi kebenaran kepada Kerajaan Malaysia untuk membuat potongan dari gaji, pencen, faedah persaraan dan terimaan dari Kerajaan bagi menyelesaikan apa-apa baki hutang pinjaman yang terkumpul.
5. Saya bersetuju untuk menerima apa-apa kadar faedah dan lain-lain bayaran yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia yang berkuatkuasa dari masa ke semasa sehingga baki hutang pinjaman selesai.
6. Saya bersetuju untuk menerima apa-apa kadar faedah dan lain-lain bayaran yang dikenakan memberi kebenaran kepada Kerajaan Malaysia untuk mengambil sebarang tindakan untuk menyelesaikan tunggakan dan baki pinjaman terkumpul.
7. Sekiranya saya mengambil cuti separuh gaji / tanpa gaji/ tidak hadir bertugas / tamat kerja/meletak jawatan/meninggalkan perkhidmatan/bertukar alamat/bertukar tempat kerja, saya dengan serta merta akan memaklumkan kepada Bahagian Pinjaman Perumahan.
8. Saya bukan siberhutang yang hukuman atau seorang bankrap.
9. Saya bersetuju menyertai perlindungan Takaful dengan syarikat yang telah saya pilih seperti di Akuan Pemilihan aqad yang dilampirkan.
10. Saya akan mematuhi semua syarat pinjaman yang ditetapkan dari masa ke semasa.

Tandatangan pemohon

Tarikh :

BAHAGIAN D - PERAKUAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan bahawa permohonan pinjaman pemohon ini adalah teratur mengikut syarat pinjaman perumahan melalui Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.

Tandatangan Ketua Jabatan

Tarikh:

Nama Ketua Jabatan:

Jawatan:

Cop Rasmi Jabatan:

CONTOH

AKUAN PEMILIHAN INSURANS / TAKAFUL

Saya <nama peminjam> No. K/P <no k/p peminjam>
dengan ini mengesahkan bahawa saya bersetuju untuk memilih Insurans / Takaful
* IKHLAS SDN BHD sebagai perlindungan Pinjaman Perumahan
Perbendaharaan.

.....

(Tandatangan Peminjam)

Nama : <nama peminjam>

Tarikh : <tarikh>

.....

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama : <nama ketua jabatan>

Tarikh : <tarikh>

Cop Jabatan

<cop jabatan>

- Insurans / Takaful yang boleh dipilih :

- a) Etiqa Insurance
- b) Etiqa Takaful
- c) Takaful Malaysia
- d) Takaful Ikhlas
- e) CIMB Aviva Takaful

bulatkan



AQAD UNTUK PERLINDUNGAN TAKAFUL

ETIQA TAKAFUL

Takaful Gadaijanji

Saya bersetuju bahawa berdasarkan kepada prinsip Al-Mudharabah dan lain-lain hukum Syariah yang berkaitan, sumbangan takaful saya kepada Syarikat dikreditkan ke dalam Akaun Pelan Takaful Gadaijanji di bawah Dana Takaful Keluarga oleh Syarikat sebagai Tabarru' untuk membolehkan pihak Syarikat membayar manfaat takaful kepada pihak yang berhak serta menguruskan pelan ini termasuk pelaburan atas sumbangan tersebut dengan cara yang dianggap bersesuaian oleh Syarikat dan atas pertimbangan itu, saya bersetuju agar pihak syarikat mengenakan Kos Pengendalian sebanyak 6% dari sumbangan Takaful bagi pengendalian ke atas skim Takaful ini. Saya juga adalah berhak ke atas manfaat takaful dan berkongsi lebih bersih (keuntungan) jika ada berdasarkan nisbah seperti berikut:

Takaful Gadaijanji:

- i- 50% dari keuntungan akan diserahkan kepada Peserta
- ii- 50% dari keuntungan akan diambil oleh Syarikat

Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang

Saya dengan ini bersetuju menyertai skim Takaful am ini berdasarkan prinsip Takaful dan memberi sumbangan untuk membantu mana-manapeserta yang ditimpa musibah berdasarkan tabarru' dan dengan sumbangan ini, saya juga berhak untuk menerima perlindungan Takaful seperti termaktub di dalam syarat-syarat kontrak ini.

Saya seterusnya bersetuju bahawa sumbangan saya dimasukkan ke dalam Dana Takaful Am (Dana) dan dengan ini melantik Etiqa Takaful Berhad untuk melabur serta menjaga pengurusan dana tersebut mengikut cara yang bersesuaian dan menepati hukum-hukum Syarak. Saya juga mengizinkan Etiqa Takaful Berhad untuk membayar tuntutan / manfaat Takaful, membuat peruntukan dan rizab berdasarkan garis panduan dan dasar yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan Etiqa Takaful Berhad dibayar upah wakalah berdasarkan 30%.

Sekiranya pada penghujung tahun kewangan terdapat lebih pendapatan dari tanggungan dalam Dana tersebut, saya mengizinkan TNSB untuk menerima 50% daripadanya sebagai insentif sementara baki 50% akan diperuntukkan untuk mengagih kepada peserta-peserta tertakluk kepada syarat-syarat kontrak ini dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Saya juga bersetuju bahawa sekiranya lebih bersih ini kurang dari RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh) maka lebih tersebut akan didermakan ke Tabung Khas untuk tujuan amal jariah peserta.

TAKAFUL MALAYSIA

Pelan Takaful Gadaijanji

Bahawasanya saya membayar sumbangan takaful ini berdasarkan kontrak Tabarru' (derma) dan kontrak-kontrak lain dalam Syariah. Sumbangan Takaful tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Khas Peserta Gadaijanji (selepas ini dirujuk sebagai AKPG) dan saya melantik pihak Syarikat untuk mengurus dan melaburkan AKPG mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh Syarikat di bawah perniagaan Takaful Keluarga termasuk urusan takaful semula jika perlu berdasarkan kepada kontrak Wakalah (agensi) sebagaimana yang ditakrif oleh Syarikat serta menepati Syariah.

Sebagai balasan, saya membenarkan pihak Syarikat mengambil 17.5% daripada sumbangan tersebut sebagai Yuran Wakalah.

Saya bersetuju sumbangan takaful saya yang dikreditkan ke dalam AKPG adalah sebagai Tabarru' (derma) untuk digunakan oleh Syarikat bagi membayar manfaat takaful kepada mana-mana peserta takaful yang berhak menerima manfaat tersebut seperti yang termaktub dalam perjanjian takaful. Saya bersetuju untuk meminjam daripada pihak Syarikat berdasarkan kontrak Qardh Hasan (pinjaman tanpa faedah) jika AKPG tidak mencukupi dan pinjaman tersebut akan dibayar daripada sebahagian lebih bersih (keuntungan) daripada AKPG masa akan datang sepanjang tempoh perjanjian takaful saya.

Berdasarkan kontrak Ju'alah (menjanjikan ganjaran), saya dengan ini membenarkan Syarikat mengambil yuran prestasi sebanyak 50% daripada lebih bersih (keuntungan) yang terdapat di dalam AKPG jika ada. Bahagian lebih bersih (keuntungan) untuk saya akan diserahkan kepada saya semasa tamat perjanjian takaful saya.

Skim Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang

Bahawasanya saya/kami dengan ini membayar sumbangan takaful ini kepada Takaful Malaysia (Syarikat) berdasarkan kontrak Mudharabah (kontrak perkongsian untung) dan hukum-hukum Syarak lain yang berkaitan. Sumbangan takaful tersebut akan dikreditkan ke dalam Kumpulanwang Takaful Am Takaful Syarikat bagi Syarikat menguruskannya di bawah Perniagaan Takaful Am termasuk pelaburan bagi Kumpulanwang tersebut mengikut cara-cara yang difikirkan sesuai oleh Syarikat termasuk urusan Takaful semula jika perlu.

Dan di atas pertimbangan ini saya/kami berhak untuk menerima keuntungan berdasarkan sumbangan bersih yang dipegang di dalam kumpulanwang tersebut, jika ada, mengikut nisbah 40% kepada saya/kami dan 60% kepada Syarikat tertakluk sentiasanya bahawa saya/kami tidak membuat apa-apa tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah perjanjian Takaful semasa ianya berkuatkuasa.

Sehubungan dengan ini saya/kami juga menjadikan tabarru' mana-mana bahagian daripada sumbangan takaful di atas termasuk keuntungannya bagi membayar manfaat takaful kepada mana-mana peserta takaful yang berhak menerima manfaat tersebut seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian takaful.

AQAD UNTUK PERLINDUNGAN TAKAFUL

TAKAFUL IKHLAS

Ikhlas Takaful Gadaianji

Saya dengan ini mengaku bahawa semua kenyataan di atas dan dokumen yang disertakan berhubung dengan permohonan ini adalah lengkap dan benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya. Saya mengizinkan dan membenarkan Takaful Ikhlas Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai pihak Syarikat) untuk memperoleh keterangan daripada doktor yang pernah merawat saya atau daripada sebarang hospital atau organisasi yang mempunyai rekod atau pengetahuan kesihatan saya.

Saya bersetuju bahawa segala kenyataan dan akuan yang terkandung dalam borang permohonan ini akan menjadi asas kepada perjanjian takaful di antara saya dengan pihak Syarikat dan ianya disifatkan sebagai tergabung di dalam perjanjian ini. Saya bersetuju bahawa caruman takaful saya akan dimasukkan ke dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA) dan pihak Syarikat akan dilantik untuk mengurus dan melabur PRIA saya bersesuaian dengan kecekapan pihak Syarikat berdasarkan kepada kontrak Wakalah sebagaimana yang ditakrif oleh pihak Syarikat bersesuaian dengan prinsip Syariah. Sebagai balasan, saya bersetuju membenarkan pihak Syarikat mengambil sejumlah peratusan daripada caruman tersebut sebagai Yuran Wakalah (Yuran Wakalah diterangkan di dalam Ilustrasi Manfaat). Saya juga bersetuju bahawa sebahagian daripada caruman takaful saya akan disalurkan ke dalam Dana Risiko dan Dana Khas, sebagai Tabarru' bagi membantu Peserta lain yang ditimpa musibah. Baki selebihnya di dalam PRIA akan dilaburkan oleh pihak Syarikat dan keuntungan daripada pelaburan, jika ada, akan dipulangkan kepada saya setelah ditolak sehingga 20% Yuran Prestasi Pelaburan, seperti yang dinyatakan di dalam Ilustrasi Manfaat daripada keuntungan pelaburan tersebut. Saya juga bersetuju membenarkan pihak Syarikat untuk menolak Caj Pengurusan Lebihan (seperti yang tertera dalam sijil) daripada sebarang lebihan dari Dana Risiko. Saya juga memahami bahawa lebihan bersih dari Dana Risiko, jika ada, akan dikendalikan oleh Syarikat mengikut kaedah dan peruntukan berlandaskan prinsip Syariah yang akan memanfaatkan Peserta dan Dana Khas.

Saya selanjutnya bersetuju memberi kebenaran kepada Syarikat bagi mengurus dan menggunakan PRIA saya bilamana terdapat keadaan tanpa bayaran dalam menjelaskan caruman melebihi tempoh yang ditetapkan bagi sijil yang telah berkuatkuasa, bagi memastikan saya tetap menikmati faedah manfaat perlindungan tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan oleh Syarikat. Saya seterusnya bersetuju bahawa kesemua pengisytiharan yang dibuat, berserta pernyataan atau jawapan di dalam permohonan ini atau di dalam mana-mana borang kaji-selidik atau dokumen yang diminta oleh Syarikat atau perubahan yang dibuat bersama-sama dengan sijil akan tergabung keseluruhannya di dalam kontrak di antara saya dan Syarikat. Saya juga tidak memberikan apa-apa lagi maklumat selain daripada yang telah dinyatakan di dalam permohonan ini kepada wakil Syarikat, seperti yang bernama di bawah.

Jika terdapat pembatalan permohonan selepas Pemeriksaan Perubahan dibuat, Saya bersetuju memberi kebenaran kepada pihak syarikat untuk menolak semua jumlah perbelanjaan Pemeriksaan Perubahan yang telah didahului oleh pihak syarikat daripada caruman yang telah dibayar. Salinan aqad ini akan dianggap sah sebagai salinan asal.

Ikhlas Takaful Pemilik Rumah

Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa semua pernyataan di atas dan dokumen yang disertakan berhubung dengan permohonan ini adalah lengkap dan benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan Saya/Kami. Saya/Kami bersetuju bahawa segala pernyataan dan akuan yang terkandung dalam borang permohonan ini akan menjadi asas kepada perjanjian takaful antara Saya/Kami dan Takaful Ikhlas Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai "pihak Syarikat") dan ianya disifatkan sebagai termaktub dalam perjanjian ini.

Saya/Kami bersetuju bahawa sumbangan Takaful Saya/Kami akan diuruskan oleh pihak Syarikat berdasarkan kepada prinsip Wakalah sebagaimana yang ditakrif oleh pihak Syarikat serta menepati Syariah. Saya/Kami bersetuju membenarkan pihak Syarikat mengambil 15% daripada sumbangan tersebut sebagai Yuran Wakalah. Lanjutan daripada itu, Saya/Kami juga bersetuju bahawa baki daripada sumbangan takaful Saya/Kami akan disalurkan ke dalam Dana Risiko dan Dana Khas berdasarkan Tabarru'(derma) untuk membantu Peserta lain yang ditimpa musibah dan selebihnya akan dilaburkan oleh pihak Syarikat. Sebarang keuntungan daripada pelaburan tersebut, jika ada, akan dimasukkan semula ke dalam Dana Risiko. Saya juga bersetuju membenarkan pihak Syarikat untuk menolak Caj Pengurusan Lebihan (seperti yang tertera dalam sijil) daripada sebarang lebihan dari Dana Risiko. Saya juga memahami bahawa lebihan bersih dari Dana Risiko, jika ada, akan dikendalikan oleh Syarikat mengikut kaedah dan peruntukan berlandaskan prinsip Syariah yang akan memanfaatkan Peserta dan Dana Khas.

CIMB AVIVA TAKAFUL BERHAD

Takaful Gadaianji

Saya dengan ini mengaku bahawa semua pernyataan di atas dan dokumen yang disertakan berhubung dengan permohonan ini adalah lengkap dan benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya. Saya bersetuju bahawa segala pernyataan dan akuan yang terkandung dalam boring permohonan ini akan menjadi asas kepada perjanjian Takaful dan ianya disifatkan sebagai tergabung di dalam perjanjian ini. Saya dengan ini bersetuju melantik pihak Syarikat sebagai wakil saya untuk menguruskan sumbangan takaful saya dalam Akaun Peserta dan melaburkannya dengan cara bersesuaian dengan kecekapan pihak Syarikat berasaskan Kontrak Wakalah sebagaimana yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat serta menepati hukum Syariah.

Sebagai balasan, saya bersetuju membenarkan pihak Syarikat mengambil 20% daripada sumbangan tersebut sebagai Yuran Wakalah. Lanjutan daripada itu, saya juga bersetuju bahawa sebahagian daripada sumbangan takaful saya akan disalurkan ke dalam Tabarru' (derma) secara bulanan bagi membantu semua orang dilindungi yang ditimpa musibah. Baki daripada sumbangan Takaful di dalam Akaun Peserta akan dilaburkan oleh pihak Syarikat. Keuntungan daripada pelaburan akan dikongsi bersama peserta setelah ditolak perbelanjaan kos dan cukai yang berkenaan, jika ada, akan disalurkan ke dalam Akaun Peserta saya. Lebihan yang terdapat daripada Dana Tabarru' Peserta akan dikreditkan semula ke dalam Akaun Peserta saya seperti yang termaktub didalam percaraan dan peruntukkan saham-saham oleh Pihak Syarikat.

Saya faham dan bersetuju bahawa pihak Syarikat akan layak menerima 50% daripada mana-mana keuntungan yang timbul daripada Dana Tabarru Peserta dan 10% daripada keuntungan yang timbul daripada pelaburan dalam Akaun Peserta. Saya juga bersetuju bahawa 25% daripada keuntungan yang timbul dalam Dana Tabarru Fund akan dikekalkan di dalam dana khas untuk memenuhi sebarang kemungkinan. Saya juga bersetuju bahawa jika jumlah mana-mana yang dibayar kepada saya atau mana-mana peserta yang layak dibawah sijil ini, kurang daripada jumlah minimum yang ditetapkan oleh pihak Syarikat. Jumlah tersebut mungkin akan dibayar oleh pihak Syarikat kepada mana-man organisasi amal dengan syarat organisasi tersebut disahkan oleh Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan/atau Lembaga Penasihat Syariah.

Takaful Pemilik Rumah Jangka Panjang

Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa semua pernyataan di atas dan dokumen yang disertakan berhubung dengan permohonan ini adalah lengkap dan benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya/kami. Saya/Kami bersetuju bahawa segala pernyataan dan akuan yang terkandung dalam borang permohonan ini akan menjadi asas kepada perjanjian takaful di antara saya/kami dengan CIMB AVIVA TAKAFUL BERHAD (selepas ini dirujuk sebagai pihak Syarikat) dan ianya disifatkan sebagai tergabung di dalam perjanjian ini. Saya/Kami dengan ini bersetuju melantik pihak Syarikat untuk menguruskan sumbangan Takaful saya/kami dalam Dana Takaful Am' dan melaburkannya dengan cara bersesuaian dengan kecekapan pihak Syarikat berasaskan kontrak Wakalah sebagaimana yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat serta menepati hukum Syariah. Sebagai balasan, saya/kami bersetuju membenarkan pihak Syarikat mengambil 30% daripada sumbangan tersebut sebagai Yuran Wakalah.

Baki daripada sumbangan takaful saya/kami akan disalurkan ke dalam Dana Takaful Am' bagi membantu semua Peserta yang ditimpa musibah. Lebihan bersih dari Dana Takaful Am', jika ada, akan dikongsi di antara saya/kami dan pihak Syarikat mengikut nisbah 50:50. Saya/Kami bersetuju bahawa sekiranya lebihan bersih ini kurang dari RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh) atau sama dengan RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh) maka lebihan tersebut akan didermakan ke dalam Dana Takaful Am'. Saya/Kami juga membenarkan sekiranya lebihan bersih dibayarkan kepada saya/kami melalui cek yang tidak ditunaikan oleh saya/kami setelah tamat sah laku cek, pihak Syarikat akan mendermakan lebihan bersih ini ke dalam Dana Takaful Am' untuk membantu semua Peserta

CONTOH

Menggunakan Letter Head Jabatan)

Bil Tuan :
Bil Kami :
Tarikh :

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Pinjaman Perumahan
Perbendaharaan Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No 9 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Tuan,

PERMOHONAN PINJAMAN PERUMAHAN PERBENDAHARAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Bersama-sama ini dikemukakan borang permohonan En/Pn/Cik <nama peminjam > dan dokumen-dokumen sokongan untuk tindakan tuan.

- a) Nama pegawai :
- b) No kad Pengenalan :
- c) Tarikh Lahir :
- d) Tarikh perlantikan :
- e) Tarikh Disahkan Jawatan :
- f) *Wang Pos/Bank Draf/Banker Cheque RM _____ atas nama "Akaun Pinjaman Perumahan"

2. Disahkan bahawa sepanjang perkhidmatannya, ini adalah merupakan *Pinjaman Pertama/ Pinjaman Kedua pemohon. Beliau juga bersetuju memilih Syarikat Insurans Takaful IKHLAS bagi melindungi pinjaman yang diambil beliau dengan Bahagian Pinjaman Perumahan.

3. Jabatan dengan ini menyokong agar permohonan beliau diluluskan.

Sekian terima kasih.

Yang benar

(Nama Majikan)
Cop Jabatan

* Potong yang tidak berkenaan.